

## BAB 2

### PERANAN BAHASA DALAM PENINGKATAN PERADABAN JEPUN ERA MEIJI

Bahasa telah memainkan peranan yang utama dalam membentuk jati diri orang Jepun dalam pembinaan peradabannya. Pembinaan peradaban ini dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Penerusan pembinaan peradaban ini dapat dilihat dengan jelas apabila Jepun memasuki era Meiji di mana terdapat peningkatan yang amat ketara terhadap pembinaan peradaban Jepun. Salah satu elemen penting dalam pembinaan peradaban adalah bahasa. Era Meiji telah memperlihatkan bagaimana bahasa Jepun dapat memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan peradabannya.

#### 2.1. Bahasa Ilmu

##### 2.1.1. Penggubalan Akta Pendidikan untuk Sekolah, Pusat Pengajian Tinggi dan Sistem Peperiksaan

Negara Jepun semasa era Meiji telah mengalami banyak penggubalan dan pindaan terhadap akta atau undang-undang serta peraturan yang berkaitan dengan sistem pendidikan negara.

Pada September 1872, Majlis Tertinggi Negara (*Supreme Council Of State*) telah menerima cadangan daripada Kementerian Pendidikan berkaitan dengan pelan terperinci “Peraturan Sistem Pendidikan 1872” (*The 1872 Education System Order - Gakusei*). (Byron K. Marshall, 1994:32). Sistem ini secara keseluruhannya mempunyai objektif untuk membentuk sistem pendidikan yang menyeluruh di semua daerah samada besar, sederhana atau kecil. Umur pelajar sekolah rendah adalah daripada 8 tahun dan tamat pengajian pada umur 13 tahun. Kurikulum sekolah ini adalah seperti mengeja, kaligrafi, sebutan, kira-kira, moral dan lain-lain. Buku-buku teks banyak digunakan, buku asing turut diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Sekolah menengah terbahagi kepada dua bahagian iaitu menengah rendah bermula daripada umur 14 tahun hingga 16 tahun, sekolah menengah atas daripada 17 tahun hingga 19 tahun. Kurikulumnya meliputi matapelajaran seperti bahasa Jepun, matematik, kaligrafi, fizik, geografi, sejarah, bahasa asing, sains, lukisan, kimia, *book keeping* dan lain-lain. Pusat pengajian tinggi menawarkan kursus-kursus seperti sains, kimia, undang-undang, perubatan, matematik. Pada April 17, 1873 pelajar-pelajar telah dianugerahkan *bachelor degree* apabila tamat pengajian.

Terdapat pelbagai kritikan terhadap Peraturan Sistem Pendidikan 1872 yang mengatakan bahawa sistem itu meniru model barat yang gagal mengambil kira pengaruh keadaan sekeliling negara Jepun. Kurikulumnya juga kurang mempunyai pertalian dengan keperluan negara Jepun. Oleh kerana pembentukan sekolah-sekolah ini adalah tanggungjawab majlis-majlis daerah, ia telah menimbulkan beban kewangan kepada majlis-majlis daerah. Maka pada 29 September, 1879 satu peraturan yang baru iaitu :

“Peraturan Sistem Pendidikan 1879” (*The 1879 Education System Order- Kyoikurei* ) telah diwartakan dan diluluskan (Byron K. Marshall, 1994:53). Peraturan ini telah memperjelaskan kedudukan jenis-jenis sekolah rasmi iaitu universiti, sekolah menengah (*middle school*), sekolah rendah (*elementary school*), sekolah normal (*normal school*) dan sekolah pengkhususan (*specialized school*). Dalam peraturan ini pemilihan pentadbiran sekolah diserahkan kepada komuniti penduduk yang lantas telah membenarkan sekolah-sekolah tersebut mempunyai kuasa autonomi terhadap pentadbiran sekolah. Peraturan ini juga gagal membawa hasil yang dihajati.

Pada Disember 1880, Ordinan Penyemakan Pendidikan (*Revised Education Ordinance- Kaisei Kyoiku Rei*) telah diwujudkan (Byron K. Marshall, 1994: 80). Ordinan ini menekankan kepada penguasaan penuh sistem pendidikan di bawah kerajaan. Terdapat 44 artikel dalam ordinan ini di antaranya menambahkan kuasa Setiausaha Pendidikan (*Secretary Of Education*) dan gabenor wilayah untuk memilih ahli majlis pentadbiran sekolah dan perlantikan guru-guru. Semua wilayah telah diarahkan mendirikan sekolah-sekolah di wilayah masing-masing. Tetapi pada ketika itu berlakunya kemelesetan ekonomi maka pentadbiran setiap wilayah menghadapi masalah untuk meneruskan program tersebut apabila kerajaan pusat memberhentikan bantuan. Maka 12 Ogos 1885, peraturan baru diperkenalkan iaitu “Peraturan Sistem Pendidikan 1885” (*The 1885 Education Order*) yang khas dibentuk untuk menangani masalah kemelesetan dengan memperkenalkan “*simplified elementary school*” selain daripada sekolah rendah biasa untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak daripada keluarga yang tidak

mampu.. Tetapi setahun kemudian peraturan yang lebih komprehensif telah diperkenalkan.

Pada tahun 1886, semasa jawatan Menteri Pendidikan disandang oleh Mori Arinori sistem pendidikan negara Jepun telah mengalami pembaharuan yang menyeluruh dalam “Ordinan Pendidikan 1886” (*The 1886 Education Ordinance*) yang meliputi sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi.

#### **2.1.1.1. Peraturan Sekolah Rendah (Shogakko Rei)**

Pada 10 April 1886, “Peraturan Sekolah Rendah 1886”(*The 1886 Elementary School Order*) mengandungi 16 artikel yang menekankan kepada prinsip-prinsip asas untuk pembentukan dan pengendalian sekolah rendah. Peraturan ini menegaskan adalah tanggungjawab ibu bapa dan penjaga memastikan anak-anak mereka hadir ke sekolah. Penegasan ini adalah merupakan suatu bentuk pendidikan wajib yang perlu dilalui oleh seseorang pelajar yang berumur daripada 6 tahun hingga 13 tahun.

Peraturan Sekolah Rendah ini dikaji dan pindaan telah dilakukan dengan “Peraturan Sekolah Rendah 1890” pada 7hb. Oktober. Peraturan ini menetapkan bahawa terdapat 2 jenis sekolah rendah iaitu sekolah rendah biasa (*Ordinary Elementary School*) yang merupakan pendidikan wajib selama 3 atau 4 tahun dan sekolah rendah atas (*Higher Elementary School*) yang menganjurkan kursus selama 2 atau 3 atau 4 tahun.

Kemudian sekali lagi pindaan peraturan ini telah berlaku pada 20 Ogos 1900 iaitu “Peraturan Sekolah Rendah 1900” (*The 1900 Education Order*) diperkenalkan dengan jangka 4 tahun untuk sekolah rendah biasa dan 2 tahun untuk sekolah rendah atas. Pada tahun 1907 sekali lagi pindaan dilakukan di mana dalam artikel 18 peraturan itu menegaskan pendidikan wajid adalah di antara 4 hingga 6 tahun manakala 2 atau 3 atau 4 tahun untuk sekolah rendah atas.

#### **2.1.1.2. Peraturan Sekolah Menengah(*Chugakko Rei*)**

Pada 10 April 1886, “Peraturan Sekolah Menengah (*The Middle School Order*) mempunyai 2 tahap iaitu sekolah menengah biasa (*Ordinary Middle School*) dan sekolah menengah atas (*Higher Middle School*) di mana ditegaskan bahawa sekolah ini adalah untuk mereka yang berhasrat untuk mencari karier dalam bidang perniagaan atau yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi lagi. Kemudian berdasarkan peraturan di atas satu polisi baru dikeluarkan yang menyatakan hanya 5 buah sekolah menengah atas sahaja ditubuhkan manakala sekolah menengah biasa sebanyak 55 buah.

Kajian semula Peraturan Sekolah Menengah 1886 (*Revision of 1886 Middle School Order*) dilakukan pada 1 Disember 1891 dan pada Mac 1894, Menteri Pendidikan Inoue Kowashi telah memperkenalkan kursus vokasional (*jikka*) ke dalam kurikulum sekolah menengah.

Satu lagi peraturan baru diwartakan iaitu “Peraturan Sekolah Menengah 1899” (*The 1899 Middle School Order*) telah menukar nama Sekolah Menengah Biasa (*Ordinary Middle School*) kepada Sekolah Menengah (*Middle school*) sahaja. Di dalam peraturan ini juga dipisahkan pendidikan vokasional dengan pendidikan persediaan (*preparatory education*). Pada 8hb.Febuari “Peraturan Sekolah Tinggi Perempuan 1899” (*Girls High School Order*) diluluskan dan pada 26hb Oktober semakan semula Peraturan Sekolah Tinggi Perempuan (*The Revision Of Girls High School Order*) dilakukan. Pelajar-pelajar perempuan ini diajar khususnya matapelajaran yang berkaitan dengan rumah dan keluarga.

#### **2.1.1.3. Pengajian Tinggi**

Pada 2hb.Mach 1886, Kementerian Pendidikan telah meluluskan “Peraturan Universiti Imperial” (*Imperial University Order*) di mana artikel 1 peraturan ini menyebut bahawa, “*Universiti Imperial ini adalah institusi terbaik untuk mengajar dan merupakan asas kepada penyelidikan di dalam bidang-bidang seperti kemanusiaan dan sains yang penting kepada negara.*” Manakala artikel 2 pula menjelaskan pembahagian Universiti Imperial kepada dua bahagian iaitu sekolah *graduate* (*a graduate school*) yang menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang kemanusiaan dan sains. Manakala Kolej-Kolej (*various colleges*) adalah merupakan institusi pendidikan yang paling tinggi bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah. Kelima-lima kolej tersebut adalah Kolej undang-undang, Kolej perubatan, Kolej kejuruteraan, Kolej persuratan dan Kolej sains.

Kelayakan kemasukan ke kolej-kolej ini memerlukan seseorang pelajar mesti lulus sekolah menengah atas dan lulus juga peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti Imperial. Kursus perubatan mengambil masa 4 tahun dan 3 tahun bagi kursus yang lain. Kolej pertanian juga dimasukan ke dalam kursus yang ditawarkan oleh pihak Universiti Imperial menjadikan 6 kolej kesemuanya.

Pada bulan Jun 1897 sebuah lagi universiti ditubuhkan iaitu Universiti Imperial Kyoto dan universiti imperial yang pertama ditukar nama kepada Universiti Imperial Tokyo. Universiti-unversiti imperial lain juga ditubuhkan seperti Universiti Imperial Tohoku (1901), Universiti Imperial Kyushu (1910), Universiti Imperial Hokkaido (1918).

Berikut dengan Peraturan Sekolah Rendah 1872, sekolah rendah dikehendaki mengikut kurikulum kursus biasa (*ordinary course*) yang telah ditetapkan pada usia pelajar itu 6 tahun. Selepas selesai 4 tahun pertama pelajar dikehendaki menduduki peperiksaan dua kali setahun (*semiannual examination*) (Byron K.Marshall 1994:43). Lulus peperiksaan ini pelajar akan memasuki sekolah rendah atas. Peperiksaan ini adalah sangat susah.

Dalam Peraturan Pengajaran Sekolah Menengah 1880 (*1880 Middle School Teaching Regulations*) (Bryron K. Marshall 1994:64) sistem dua peringkat sekolah menengah untuk pelajar lelaki diperkenalkan iaitu 4 tahun sekolah menengah rendah dan 2 atau lebih tahun untuk sekolah menengah atas. Apabila Mori Arinari menjadi Menteri Pendidikan, beliau telah mengurangkan jumlah sekolah menengah atas ini untuk

meningkatkan lagi kualiti dengan meningkatkan kadar kesusahan peperiksaan kemasukan ke sekolah ini. Di bawah Peraturan Sekolah Menengah 1886 (*The 1886 Regulations*) (Byron K. Marshall 1994:64) menyatakan bawasa semua pelajar lelaki boleh mengambil peperiksaan ini yang berumur 12 tahun ke atas yang berjaya dalam peperiksaan boleh memasuki sekolah menengah ini.

Pada April 1886, menteri pendidikan Mori Arinori telah menubuhkan sekolah menengah tinggi (*kotoghugakko*) tetapi pada 1894 ia dikenali sebagai sekolah tinggi tinggi (*kotogakko*) sahaja. Sekolah ini mengikuti kurikulum 3 tahun yang komprehensif yang bertujuan untuk memberi pendidikan persediaan ke universiti atau ke institusi pengajian tinggi yang lain. Institusi ini terbuka kepada semua pelajar lelaki yang berumur antara 17 hingga 20 tahun untuk menduduki peperiksaan kemasukan tetapi pada mulanya tidak mendapat sambutan (Bryon K. Marshall 1994:65-66). Pada akhir 1890 sistem peperiksaan ini dipersusahkan yang mengakibatkan lebih daripada separuh pelajar yang menduduki peperiksaan ini gagal memasuki sekolah tinggi ini manakala pada 1900 hampir tiga perempat gagal.

### **2.1.2. Menterjemahkan Buku-Buku Ilmiah Barat ke Bahasa Jepun**

Keshogunan Tokugawa memang menunjukkan minat tentang sesuatu yang boleh dipelajari daripada orang Belanda tentang perkembangan antarabangsa dan telah lama membiayai pengajian tentang perkara-perkara yang praktikal seperti sains perubatan dan astronomi. Berkisar daripada desakan pada 1811 pihak keshogunan telah menubuhkan

jabatan tambahan yang khusus untuk menterjemah tulisan-tulisan barat yang dikenali sebagai Institut Penyelidikan Buku Barat (*Institute For The Investigation Of Barbarian Books*). Pada akhir pemerintahan Tokugawa terdapat kira-kira  $\frac{1}{4}$  daripada semua sekolah ‘domain’ memasukkan pengajian barat dalam sukanan mereka (Marshall, 1994:14)

Semasa Restorasi Meiji eksperimentasi tentang pemikiran barat, sains teknologi, cara hidup, berkelakuan dan adat resam barat telah berkembang luas. Sekolah-sekolah telah menawarkan kursus-kursus tentang barat. Sehubungan dengan ini, banyak buku daripada bahasa-bahasa Eropah telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk dibaca khasnya oleh pelajar dan masyarakat umumnya. Terdapat kuantiti yang banyak buku-buku terjemahan yang mengupas dan membincangkan cara hidup orang barat dan pemikiran mereka supaya dapat difahami oleh pelajar-pelajar moden dan pemimpin natif.

Keistimewaan diperolehi oleh Belanda yang merupakan satu-satunya negara Eropah yang diberikan kebenaran untuk berdagang dengan negara Jepun telah membuatkan istilah *rangaku* (*Dutch Learning-Pengajian Belanda*) sinonim dengan pengajian sains dan teknologi dan Jadual Anatomikal (*Anatomical tables*) adalah merupakan hasil yang terawal diterjemahkan (Takeuchi, 1999:31) ke dalam bahasa Jepun.

Pencapaian teragung pelajar-pelajar rangaku ini adalah pendekatan mereka terhadap bidang terjemahan. Seorang pelajar rangaku, Sugita Genpaku yang merupakan seorang doktor telah menterjemahkan buku Belanda bertajuk *Anatomische Tabellen* yang ditulis oleh Johan Adam Kuluns pada 1722 (Takeuchi, 1999:32). Teks terjemahannya

dalam bahasa Jepun yang bertajuk “*Kaitai Shinron*” yang diterbitkan pada 1774. Sugita Genpaku adalah orang yang pertama menyedari tentang metodologi terjemahan seperti mana yang dicatatkan,

“.....: we applied various methods, such as word-by-word substitution by Japanese terms (*honyaku*), transliteration of the original Dutch terms (*taiyaku*), and literal (*chokuyaku*) or free translation (*giyaku*) of Dutch elements into Chinese compounds. After much changing and working on the translation day and night, we finally completed the task...after 4 years, having produced 11 versions of manuscript.”

(Takeuchi 1999:32)

*Woordenboek der Nederduitsche en Fransche Talen* (1717) yang ditulis oleh Francois Halma adalah kamus Belanda Perancis yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun, dan dikenali sebagai Nagasaki Haruma yang diterbitkan pada tahun 1855.

Tujuan utama pergerakan peradaban dan pencerahan di Jepun di era Meiji adalah merupakan proses membawa masuk elemen pemodenan dan pencapaian dari Barat. Ini menyebabkan pertambahan yang mendadak di dalam penerbitan kerja-kerja terjemahan di samping menghasilkan terbitan sendiri dalam bahasa Jepun. Pergerakan ini juga mempengaruhi penerbitan buku-buku teks tentang geografi dan adat resam barat untuk digunakan di institusi pengajian tinggi dan sekolah. Kerajaan Meiji sangat menitikberatkan pendidikan moral di mana kurikulum pendidikan moral yang baru telah diperkenalkan di sekolah-sekolah. Semua buku teks yang diperkenalkan adalah berdasarkan daripada buku teks barat yang kebanyakannya diterjemahkan daripada bahasa Perancis (Marshall, 1994:31).

Di Universiti Tokyo (Kolej Timur) terdapat dua kursus iaitu kursus biasa (regular course) dan kursus khas (irregular course) di mana pelajar di kursus biasa mempelajari bahasa-bahasa eropah manakala kursus khas dikehendaki mempelajari dengan menggunakan teks barat yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun.

Pada awal era Meiji minat terhadap bidang kesusasteraan barat telah mula berkembang luas terutamanya dalam bentuk karya terjemahan-hasil terjemahan tersebut adalah seperti biografi dan tokoh-tokoh barat seperti Homer, Shakespeare, Voltaire dan lain-lain mendapat sambutan. Kerja-kerja terjemahan hasil-hasil sastera seperti *Pilgrims Progress*, *The Bible* dan *Social Contact* telah dilakukan ke dalam bahasa Jepun. Seorang penterjemah yang terkenal iaitu Oda Junichiro yang telah mendapat pendidikannya di Universiti Edinburgh telah menterjemah hasil-hasil seperti *Ernest Maltravers*, *The Bride of Cammermoor*, *Romeo and Juliet*, *The Last Days of Pompeii* dan lain-lain. Novel-novel juga diterjemahkan seperti *Round The World in Eighty Days* dan *A Journey to the Moon* dapat menarik minat masyarakat Jepun yang semakin mudah menerima idea-idea, pengetahuan, sains, pemikiran politik, kebudayaan, pelajaran dan sebagainya, yang kesemuanya berasal dari barat (M.Rajendran, 1988:68-69)

Futabatei Shimei telah menterjemah *Rendezvous* pada 1889 yang menggunakan gaya penulisan yang baru iaitu gaya penulisan gembun-itchi yang sangat popular di kalangan penulis-penulis muda. Mereka ini telah mengembangkan aliran naturalistik yang menjadi lambang kesusasteraan Meiji.

Kebanyakan daripada hasil-hasil barat yang diterjemahkan berasal daripada bahasa Inggeris. Ini dapat difahami kerana bahasa Inggeris adalah penting memandangkan ia adalah bahasa diplomatik perdagangan dan juga komunikasi antarabangsa. Imej yang tinggi Angkatan Laut Britain dan kekuatan ekonomi Britain telah menjadi inspirasi kepada orang Jepun untuk mempelajari bahasa Inggeris secara tidak langsung telah menaikkan martabat bahasa Inggeris ke peringkat yang tinggi di era Meiji.

Di bidang bahasa pula Shimizu Usaburo telah menterjemah sebuah primer sains daripada bahasa Jerman yang diterbitkan pada 1974 yang ditulis dengan menggunakan tulisan kana kesemuanya. Ekoran daripada salah satu slogan popular di era Meiji, *Fukoku-Kyohei* (perkayaan negara dan perkuatkan tentera) Jepun telah memperhebatkan terjemahan-terjemahan ilmu ketenteraan, ilmu ekonomi dan pengurusan sumber manusia dilakukan untuk memastikan negara Jepun menjadi kaya dan kuat setaraf sama seperti negara-negara Eropah.

*“Recognizing its isolation and vulnerability, it developed a tradition of borrowing from abroad both in order to survive and to catch up with advanced nations. This was rooted in the capacity of Japanese to accept the necessity for change as a permanent fact of life to adapt through borrowing, imitation, and innovation.”*

(Najmul S.Khan, 1993:55-56)

Menyedari tentang kekurangan mereka, Jepun telah meminjam ilmu-ilmu moden melalui terjemahan buku-buku bukan sahaja untuk menyaingi negara barat tetapi untuk ‘survival’nya sendiri. Jadi orang Jepun menerima kenyataan bahawa bahasa merupakan

alat untuk melakukan perubahan.Justeru itulah mempelajari sesuatu dari barat menerusi proses meminjam, meniru dan meinovasi serta merealisasikan dengan peradaban Jepun adalah perlu dilakukan dengan sebaik-baik mungkin.

### **2.1.3. Menghantar Pelajar-Pelajar Jepun Melanjutkan Pelajaran ke Eropah**

Dua faktor yang memainkan peranan penting dalam memperkenalkan peradaban Barat ke Jepun melalui pengambilan guru asing terutamanya dari barat dan penghantaran pelajar Jepun ke luar negara untuk meneruskan pengajian mereka di dalam pelbagai bidang ilmu yang tidak diperolehi di Jepun.

*“The third slogan of civilization and enlightenment highlighted a commitment to progress through learning from abroad and application of knowledge to bring about change and reform”.*

(Najmul S.Khan, 1993:25)

Penghantaran pelajar ke seberang laut ini telah pun bermula sejak di akhir era Edo lagi. Satu rombongan lawatan sambil belajar ke Amerika Syarikat pada 1860 dan ke Eropah pada 1862 yang diikut serta oleh Fukuzawa Yukichi telah dijalankan. Pada 1862 pihak Shogun telah menghantar seramai 15 orang pelajar termasuk Nishi Amane yang kemudian menjadi seorang ahli falsafah, ahli pendidikan dan pelopor tulisan *romaji* (Takeuchi 1999:35) dan Tsuda Mamichi ke Belanda di atas program penghantaran pelajar ke seberang laut yang pertama. Selepas itu 6 pelajar lagi dihantar ke Rusia pada 1865 dan

:

12 pelajar ke England pada 1866. Kumpulan yang kelima dan keenam telah dihantar ke Perancis

Penghantaran pelajar ke seberang laut ini ditaja oleh tuan-tuan tanah (*fief's*) semasa tahun-tahun akhir pemerintahan shogun. Contohnya, tuan tanah Choshu menghantar Ito Hirobumi(ahli pendidikan yang radikal, Marshall 1994:26) dan Yamao Yozo ke England dan tuan tanah Satsuma menghantar Mori Arinori (Menteri Pendidikan) dan yang lain ke Amerika Syarikat dan England. Selepas Era Meiji makin ramai pelajar yang mempunyai hasrat belajar ke luar negara. Pada 11 Februari 1871 satu peraturan Belajar Ke Luar Negara telah dilulus oleh Majlis Tertinggi Negara dengan meletakkan program menghantar pelajar ke keluar negara di bawah universiti yang ditetapkan. Pada tahun 1871 kumpulan pertama pelajar wanita dihantar untuk belajar di Amerika Syarikat.

Demi untuk menimba ilmu teknologi bertaraf tinggi, kerajaan awal Meiji telah memutuskan bahawa ilmu itu hanya dapat dipelajari di luar negara. Pada 1870 apabila mendapat kuasa golongan pembaharuan dalam kerajaan baru telah menghidupkan kembali program biasiswa melanjutkan pelajaran ke seberang laut seperti mana yang dijalankan oleh kerajaan keshogunan Tokugawa. Pada mulanya semua pelajar tajaan kerajaan Tokugawa telah diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Luar tetapi telah dipanggil pulang sementara menunggu polisi baru tentang program ini. Pada tahun 1868 hingga 1870 seramai 174 pelajar baru telah dihantar ke seberang laut atas perbelanjaan kerajaan di pelbagai bidang pengajian (Marshall, 1994:36). Pelajar perubatan telah

dihantar untuk mengikut kursus perubatan di Jerman memandangkan negara Jerman pada ketika itu merupakan sebuah negara yang sangat maju dalam bidang perubatan.

Walau bagaimanapun program ini telah dikritik kerana teknik pengajaran dilihat sebagai satu proses pembaratan (*Westernization*) dan daripada mana sumber perbelanjaan untuk menghantar pelajar keluar negara? Kerajaan Meiji telah mengeluarkan peraturan baru pada 1868 yang termasuk larangan memeluk agama kristian untuk memuaskan golongan tradisionalis yang bimbang pelajar menganut agama kristian. Satu peraturan yang diberi nama Peraturan Untuk Belajar Seberang (*Rules For Overseas study*) telah dikeluarkan pada Februari 1871 yang mengarah semua pelajar tajaan kerajaan diwajibkan melawat kuil Shinto di tempat masing-masing untuk memastikan mereka menjaga agama mereka dengan baik semasa berada di luar negara. Di bawah peraturan ini juga semua pelajar samada tajaan kerajan atau pun pelajar swasta diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1872 di bawah pelan Gakusei yang menghadkan hanya 80 orang pelajar selama tiga atau lima tahun di hantar ke luar negara dengan

perbelajaan sebanyak AS\$900 hingga AS\$1,800 setiap tahun yang kira-kira lebih daripada 10% jumlah badjet Kementerian Kewangan (Marshall, 1994:37) pada ketika itu tetapi malangnya badjet itu telah dipotong separuh oleh Kementerian Kewangan.

Kementerian Pendidikan telah menutup selama dua tahun program ini dan membukanya semula pada 1875 dengan menukarkan sistem biasiswa kepada pinjaman jangka panjang. Untuk memastikan persediaan bahasa asing dan persediaan lain berjalan

dengan lancar ujian kelayakan untuk memasuki program telah diperketatkan. Pelajar-pelajar yang menuntut di Tokyo Kaisei Institute telah diberikan keutamaan untuk program ini. Pada 1880 program ini telah meningkatkan jumlah anak muda Jepun yang mempunyai pengalaman belajar di seberang laut seramai lebih 900 orang; 407 orang di bawah tajaan kerajaan dan 519 orang dengan tajaan pihak swasta. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya telah mengisi jawatan pensyarah di Universiti Tokyo dan pusat pengajian tinggi yang lain di seluruh Jepun.

#### **2.1.4. Mengambil Tenaga Pengajar dari Kalangan Orang-Orang Jepun**

Perubahan-perubahan yang berlaku semasa peralihan dari era Tokugawa ke Meiji memperlihatkan keadaan yang amat sukar sekali dan bidang pendidikan juga menghadapi masalah yang sama. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pemimpin kerajaan Meiji inginkan reformasi yang radikal dalam pendidikan tetapi ia mengambil masa beberapa abad untuk mencari satu asas untuk bertindak (Marshall, 1994:25).

Demi untuk mempelajari sesuatu daripada barat pihak Jepun terpaksa mengimport tenaga pengajar daripada barat tetapi menghadapi masalah bahasa.

*“This pattern meant that these institutions faced the problem of preparatory study. So long as there was a shortage of competent Japanese experts to teach law, engineering, medicine, agriculture, and the other branches of the new learning, foreigners would have to serve as core faculty. Collectively, these government schools employed a large number of foreign advisers and teachers. But this in turn created linguistic as well as other problems. The foreigners could very rarely communicate in Japanese and too few young Japanese had the requisite foreign languages to understand either foreign lecturers or foreign textbooks.”*

(Marshall, 1994:34)

Kerajaan Meiji terpaksa mengambil langkah untuk mengatasi masalah dengan mengambil tenaga pengajar dari kalangan orang Jepun sendiri. Langkah pertama yang dijalankan ialah menghantar para pelajar Jepun untuk menuntut di luar dan dalam negara.

Pada tahun 1910 negara Jepun telah berjaya menghasilkan 8,392 orang siswazah. Siswazah-siswazah ini mengambil pelbagai bidang matapelajaran yang khusus seperti undang-undang, ekonomi, sastera, sains, kejuruteraan, perubatan, pergigian, farmakologi dan lain-lain (Rajendran M. 1988:110). Ada di antara graduan-graduan ini menjadi pengajar dalam bidang masing-masing untuk memajukan negara Jepun setaraf negara-negara Eropah.

Selain daripada itu sebuah institusi swasta iaitu *Keiogijuku* yang kemudiannya dikenali sebagai Universiti Keio yang telah diasaskan oleh Fukuzawa Yukichi pada 1858. universiti ini telah berjaya menghasilkan ramai guru yang mahir dalam pelbagai bidang pembelajaran barat dan guru-guru ini dihantar untuk bertugas di sekolah-sekolah yang banyak ditubuhkan pada zaman Meiji di seluruh negara.

Kerajaan Meiji juga telah menjalankan program menghantar pelajar ke luar negara dan pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan kebanyakannya ditugaskan di fakulti-fakulti yang terdapat di Universiti Imperial Tokyo. Tugasan ini adalah wajib bagi pelajar tajaan kerajaan dan mereka ini ditawarkan jawatan professor penuh dan menjadi ketua jabatan masing-masing di Universiti Imperial Tokyo (Marshall, 1994:38).

Dalam bidang bahasa pula, seorang pakar linguistik yang terkenal iaitu Ueda Kazutoshi yang mendapat pendidikan pengajian bahasa moden di Berlin, Leipzig dan Paris telah menjadi professor Jepun yang pertama dalam bidang linguistik di Universiti (Imperial) Tokyo. Beliau merupakan seorang yang kuat memperjuang bahasa kebangsaan (Takeuchi: 1999:34).

Memandangkan pada era Meiji sekolah-sekolah berkembang dengan pesatnya ,ini menyebabkan kekurangan tenaga pengajar di sekolah dan pusat pengajian tinggi. Dalam melaksanakan Peraturan Sistem Pendidikan terdapat keperluan menubuahkan lebih banyak sekolah rendah di seluruh negara demi untuk menyalurkan konsep-konsep pengajaran moden. Jabatan pendidikan (*Education Department*) memerlukan mekanisma baru untuk melatih bakal-bakal guru. Pada tahun 1872, Jabatan Pendidikan telah menubuahkan Sekolah Normal (*Normal School*) di Tokyo dan mula mengambil guru-guru pelatih. Guru pelatih ini dilatih oleh pengajar asing dengan menggunakan bahasa Inggeris tetapi semasa membuat latihan mengajar guru pelatih ini mengajar menggunakan bahasa Jepun. Apabila guru-guru pelatih ini telah lulus dan mengajar di sekolah-sekolah, mereka mengajar mengikut kaedah pengajaran barat yang disesuaikan dengan acuan Jepun.

*"In 1876 the Education Ministry sent sixteen educators to study at the State Normal School at Bridgewater, Massachusetts. One of these, Izawa Shuuji would become head of the Tokyo Normal School upon his return in 1878".*

(Marshall, 1994:34)

Sekembalinya pelajar-pelajar ini mereka ditempat di Sekolah Normal Tokyo di mana mereka pula melatih guru pelatih Jepun tentang kaedah pengajaran moden yang

mereka pelajari di Amerika. Salah seorang daripada pelajar tersebut telah dilantik sebagai ketua Sekolah Normal Tokyo yang memimpin sekolah ini sehingga menjadi sebuah institusi yang terkenal di dalam melatih guru-guru.

Para graduan lulusan institusi ini telah dihantar ke sekolah-sekolah normal di peringkat wilayah sebagai tenaga pengajar atau pegawai pendidikan yang mana mereka ini telah memainkan peranan penting di dalam mengembangkan pendidikan moden di seluruh negara Jepun.

#### **2.1.5. Menjadikan Bahasa Jepun Sebagai Bahasa Pengantar di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi**

Pada era Meiji slogan untuk mempelajari ilmu yang terdapat di luar negara sangat lantang diperkatakan. Ekoran daripada itu banyak buku daripada barat dalam pelbagai bahasa dibawa masuk ke negara Jepun.

Walaupun demikian bahasa Jepun tetap dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pusat pengajian tinggi. Ini adalah kerana dengan menggunakan satu bahasa yang utama sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menambahkan keberkesanannya dari segi komunikasi menyeberangi wilayah, kelas dan setiap lapisan masyarakat. Seperti yang diperkatakan oleh Herbert Passin (Pakar sejarah pendidikan Jepun).

*“A national system of education with a common curriculum and uniformity of teaching materials and administered by a centralized Ministry of Education fostered the growth of national spirit, strengthened national homogeneity and solidarity and facilitated the development of national language as an adequate medium for communication across regions, classes, and strata of society”.*

(Herbert Passin dalam Marshall, 1994:35)

Di samping untuk menyemaikan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Jepun terhadap negara yang tercinta, bahasa merupakan alat yang paling berkesan untuk mencapai hasrat tersebut. Kerajaan Meiji mengetahui bahawa dengan menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pusat pengajian tinggi semangat nasionalisme akan dapat dicapai dengan cepat. Oleh yang demikian menerusi sistem pendidikan yang diperkenalkan di era Meiji di samping memperkenalkan ilmu teknologi daripada bahasa asing, bahasa Jepun tetap digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pusat pengajian tinggi. Ilmu teknologi barat ini diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun supaya penggunaan bahasa Jepun makin bertambah dan diperkayakan dengan istilah-istilah baru yang dicipta.

Ekoran daripada itu bahasa Jepun telah disaran supaya dipermodenkan demi untuk menjadi suatu wadah dalam menjadikan negara Jepun sebagai negara maju. Ini telah ditekankan oleh Menteri Pendidikan yang pertama Jepun iaitu Mori Arinori (1847-1889),

*"....if we do not adopt a language like that of the English, which is quite predominating in Asia, as well as elsewhere in the commercial world, the progress of Japanese civilization is evidently impossible ".*

(Takeuchi, 1999:34)

Banyak pembaharuan terhadap bahasa Jepun dilakukan semasa zaman Meiji di mana jumlah *kanji* telah dihadkan penggunaannya, istilah-istilah teknologi banyak dimasukkan di dalam buku-buku teks di sekolah, bahasa pinjaman dalam pelbagai bidang banyak digunakan diperingkat pengajian tinggi.

Pada tahun 1902, Kementerian Pendidikan (*Monbusho*) telah menubuhkan Jawatankuasa Bahasa Kebangsaan (*The National Language Committee*) yang diberikan tugas khas untuk mencari cara bagaimana untuk menggunakan bahasa percakapan (*Genbunichi-colloquial style*) dalam buku teks sekolah (Takeuchi, 1999:36). Selama ini di sekolah dan pusat pengajian tinggi menggunakan dua cara yang sukar iaitu cara China (*Kanbun-Chinese style*) dan cara Jepun lama (*Soorobun-traditional Japanese*) tetapi lama kelamaan cara percakapan telah digunakan dalam buku teks, dalam kelas karangan dan lebih meluas ianya terus digunakan dalam masyarakat.

Di kepulauan Ryukyu juga tidak terkecuali untuk memastikan penggunaan bahasa Jepun yang standard selepas tahun 1868 sebagai medium pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan pusat pengajian tinggi walaupun kepulauan ini menghadapi masalah untuk menjalankannya. Ini adalah kerana terdapatnya perbezaan-perbezaan dari segi fonologi dan gramatikal yang luas di antara dialek di Honshu dengan kepulauan ini (Takeuchi,

1999:37). Oleh kerana itu guru-guru bahasa di kepulauan itu telah diberikan kursus untuk mengajar pertuturan, menulis dan membaca menggunakan bahasa standard seperti bahasa yang digunakan di pulau-pulau Jepun yang lain.

*"Prospective teachers at the Institute of Training in Conversation (Kaiwa Denshujo), essentially a college of teaching set up in 1881 , were taught to read and write the written standard(s) of the mainland from a textbook Okinawa taiwa, which consisted of simple everyday dialogue in "tookyoogo" (Bahasa Tokyo) dengan terjemahan bahasa Okinawa (Bahasa Ryukyu).*

(Takeuchi, 1999:38)

Pada zaman Meiji pembangunan bahasa telah dijalankan dengan penuh semangat demi untuk menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pusat pengajian tinggi dan sekaligus menjadikan bahasa Jepun berkembang menjadi bahasa yang terpenting di rantau ini.

## **2.2. Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan**

### **2.2.1. Kesusasteraan**

Perkembangan kesusasteraan di era Meiji telah mengalami perubahan yang amat ketara. Hasil-hasil sastera dikeluarkan di era ini agak berbeza bentuk dan stailnya daripada bentuk dan stail penulisan sastera tradisional. Ini adalah kerana pengaruh daripada penulisan barat telah menapak di kalangan penulis-penulis muda Jepun. Walaupun penulis-penulis ini mempunyai pemikiran yang berbeza tetapi berkongsi komitmen bahawa setiap negara dalam dunia ini mempunyai caranya tersendiri dalam

mengutarakan mesej-mesej kepada masyarakat. Sistem pendidikan juga dapat memainkan peranan untuk memastikan mereka menjadi biasa dengan sejarah, geografi dan sastera negara (Marshall, 1994:62).

#### **2.2.1.1. Hasil-Hasil Penulisan Novel dan Prosa**

Gaya penulisan baru iaitu *genbun-ichi* (gabungan bahasa percakapan dan bahasa persuratan) telah mendapat sambutan yang luar biasa di kalangan penulis-penulis era Meiji. Penulisan gaya baru ini dimulai oleh Tsubouchi Shoyo yang menulis sebuah prosa bertajuk “*Shosetsu Shinzui*” pada tahun 1885 yang membicarakan tentang kebenaran psikologi (Psychological realism) dan pada 1887, Futabatei Shimei telah menghasilkan “*Ukigumo*” (Drifting Cloud) yang kedua-duanya mempersembahkan watak benar kerana ianya berkisar kepada kisah sehari-hari. Ozaki Koyo adalah merupakan seorang penulis prosa yang tinggi mutunya telah bergiat di era Meiji. Penulisan novel yang menggunakan konsep “*I Novel*” berkembang dengan meluasnya dan hasil tulisan yang ternama ialah “*Hakai*” (The Broken Commandment) yang ditulis oleh Shimazaki Toson pada 1906 dan cerpen “*Futon*” (The Quilt) yang ditulis oleh Tayama Katai pada tahun 1907. Kebanyakan hasil-hasil sastera di era Meiji ini adalah bertemakan naturalisme.

Penulis prosa yang terkenal di era Meiji ialah Fukuzawa Yukichi yang mengilhamkan pemikiran politik dan sistem-sistem politik barat dalam penulisannya. Antara hasil-hasil beliau yang terkenal adalah “*Seiyi Jiyo*” (Keadaan negara barat) mengambarkan masyarakat barat dari segi sistem politik, ketenteraan, ekonomi serta hak-

hak istimewa seseorang. Hasil-hasil lain ialah “*A Guide to Foreign Travel*”, *An Illustrated Account of Natural Science*”, “*The English Parliament*”, *Outline of Civilization*”, *The The Division of Powers*”, *Popular Economics*” dan lain-lain lagi (Rajendran M. 1988:70).

#### **2.2.1.2. Menterjemahkan Karya-Karya Penulis Tersohor Barat**

Pada awal era Meiji, minat terhadap karya-karya terjemahan daripada barat telah meningkat lantas aktiviti menterjemah karya-karya tersohor barat ini banyak dilakukan ke dalam bahasa Jepun. Hasil-hasil darpada Shakespear, Homer dan Voltaire dan lain-lainj tokoh barat juga dilakukan. Karya-karya oleh Rousseau seperti “*Pilgrims Progress*” dan “*Social Contract*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun oleh Oda Junichiro. Oda Junichiro adalah merupakan seorang penterjemah yang terkenal di era Meiji. Selain daripada itu beliau juga menterjemah novel “*Ernest Maltravers*”, “*The Bride of Commermoor*”, “*Romeo and Juliet*”, dan “*The Last Days of Pompei*”. Hasil-hasil sastera barat yang lain diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun juga dilakukan kepada novel seperti “*Round The World In Eighty Days*” dan “*A Journey To The Moon*”. Futatabei Shimei juga menterjemahkan ke dalam bahasa Jepun novel “*Rendezvous*” dengan menggunakan stail baru di era Meiji iaitu genbun-ichi iaitu satu genre penulisan naturalistik.

### **2.2.2. Kebudayaan**

Sejarah perkembangan kesenian negara Jepun boleh dikatakan meliputi kegiatan tarian, drama dan muzik. Unsur yang penting dari cabang kebudayaan hari ini adalah penerusan daripada bentuk artistik yang wujud sejak daripada zaman dahulu lagi. Kalau dilihat daripada cabang teater ianya termasuk drama *no*, *kabuki*, *shimpa* (teater lama) dan *shingeki* (teater baru) dan cabang muzikal dan nyanyian (koir) serta cabang filem.

#### **2.2.2.1. Kegiatan Drama**

##### **(a) Drama No**

*No* adalah sebuah drama klasik yang berkembang dari abad ke 8 yang merupakan integrasi tarian yang berkaitan dengan pertanian dan gerak gaya akrobatik di mana pelakon-pelakonnya memakai topeng. Drama *No* ini merosot popularitinya selepas kejatuhan kerajaan Tokugawa tetapi berkat kesabaran pengiatnya drama ini pelahan-lahan mendapat sambutan semula apabila mendapat sokongan daripada pihak yang berpengaruh dalam kerajaan baru (Meiji) serta minat yang diterima daripada pihak diplomat-diplomat asing.

Pelakon drama *No* yang terkenal ialah Umewaka Minoru dan Hosho Kuro dan dibantu oleh seorang duta Jepun yang merupakan seorang ahli politik iaitu Iwakura Tomomi telah berjaya menganjurkan beberapa persembahan drama *No* kepada Maharaja pada tahun 1876, lantas telah membuatkan drama ini mendapat penaung dari kalangan

keluarga bangsawan. Drama *No* juga dipersembahkan kepada Presiden Amerika iaitu Ulysses S.Grant apabila beliau melawat Jepun pada tahun 1879 (Benito Ortolani, 1990:107). Ekoran daripada itu banyak panggung untuk drama ini didirikan serta sekolah drama *No* juga berkembang semula.

### (b) Drama Kabuki

Kebudayaan era Meiji memperlihatkan proses permodenan yang ingin menyerapkan cara barat ke dalam semua bidang termasuk yang melibatkan penampilan pentas dan juga pelakon kabuki (termasuk pakaian, fesyen, perabot, stail rambut dan make-up).

Pementasan kabuki yang bertajuk *Zangirimono* (berambut pendek gaya barat) yang ditulis oleh Onoe Kikugoro yang juga seorang pelakon kabuki telah melakukan pembaharuan dengan memasukkan unsur-unsur barat dengan berambut pendek yang memperlihatkan aspek kontemporari kehidupan disamping mengekalkan keaslian semangat dan bentuk seni kabuki tradisi (Benito Ortolani, 1990:185).

Kabuki yang telah mencapai kegemilangannya di era Tokugawa terus berkembang pesat dalam era Meiji. Perbezaannya di era Tokugawa ia diminati oleh saudagar-saudagar manakala di era Meiji seni drama ini menerima penghormatan sosial yang tinggi. Salah seorang pelopor dan pelakon kabuki yang teragung ialah Ichikawa

Danjuro (1838-1903) telah mementaskan sebuah drama istimewa menggambarkan sejarah dan peristiwa-peristiwa masa lampau yang sebenar (Rajendran 1988:72).

Di era Meiji kabuki menjadi suatu bentuk drama klasik hanya sedikit sahaja hasil-hasil penulisan drama ini ditulis. Walaubagaimana pun kini kabuki lebih popular daripada sebarang bentuk drama klasik yang lain. Kini telah banyak tulisan-tulisan kabuki dan pementasan kabuki dijalankan yang menjadikan kabuki popular di dalam dan di luar negara. Pada 1993 pementasan kabuki telah diadakan di Jerman, Portugal dan Amerika Syarikat tetapi masih menggunakan bahasa Jepun.

#### **2.2.2.2. Kegiatan Teater**

##### **(a) Shimpā**

Perkataan *Shimpageki* (dipendekkan *Shimpā*) bermakna ‘sekolah drama baru’ adalah merupa satu bentuk kegiatan teater yang berkembang di luar dunia kabuki. Selepas era Pemulihan Meiji kumpulan teater shimpā ini cuba memodenkan dan ‘membaratkan’ drama Jepun. Ini adalah kerana permodenan dalam drama tradisi seperti kabuki dan bunraku hanya sedikit sahaja dilakukan. Oleh kerana itu sebuah bentuk drama baru telah diwujudkan di era Meiji iaitu teater shimpā.

Dalam dunia teater shimpā, dua tokoh iaitu Sudo Sadanori (1867-1907) dan Kawakami Otojiro (1864-1911) dianggap pelopor dalam kegiatan drama baru ini. Sudo Sadanori dikatakan orang yang pertama sekali mengeksperimentasikan shimpā yang

digunakan sebagai alat propaganda politik menentang kerajaan konservatif pada ketika itu. Di bawah pimpinan beliau penubuhan *Dainippon Geigeki Kyofukai* (Persatuan Teater Untuk Reformasi Jepun) telah dilakukan pada 1884. Tujuan utama penubuhan persatuan ini adalah mempromosikan proses pembaratan (westernization) dalam semua aspek kehidupan dan kebudayaan.

Kawakami Otojiro adalah pengiat teater yang mula-mula memperkenalkan teknik ‘*sensation*’ dari barat seperti menukar babak dalam gelap, sistem lampu dan mempersempahkan episod peperangan secara sebenarnya. Dalam babak Perang China (1894-1895), Kawakami telah dapat menimbulkan semangat nasionalisme dengan mengarahkan semua pelakon memakai uniform sebenar tentera dan mengarah semua penonton menunduk hormat apabila nama maharaja di sebut. Sebelum beliau menulis karya bertajuk *Kawakami Otojiro Senchi Kembuki* (Laporan Kawakami Otojiro dari Medan Peperangan, 1894) yang mengisahkan seorang wartawan yang membuat laporan peperangan, beliau sendiri telah pergi ke Korea untuk menyaksikan dengan sendiri peperangan yang berlaku di sana (Benito Ortolani, 1990:236). Karya terawal beliau adalah *Oppekepe Bushi* yang merupakan ballad yang diiringi oleh lagu popular oleh Katsura Tobei.

Kawakami Otojiro juga merupakan pelopor teater kanak-kanak yang dibentuk pada 1903. Selain itu beliau juga mementaskan teater barat yang terkenal seperti *Othello*, *Hamlet*, *The Merchant Of Venice* dan juga teater daripada penulis-penulis terkenal barat seperti Maeterlinck dan Sardou. Unsur-unsur kontemporari yang dibawa oleh Kawakami

adalah teknik ‘sensation’, retorik, penampilan sentimental kepada patriotisme dan mengagungkan secara keterlaluan kepada sesuatu pihak. Bahasa pertuturan yang digunakan dalam teater arahannya adalah bahasa terkini yang mudah difaham oleh semua peringkat masyarakat.

*Shimpa* menjadi makin popular apabila novelis-novelis yang -karya mereka digunakan untuk pementasan teater ini sendiri menulis untuk pementasan teater secara langsung dan antara yang terkenal ialah Mayama Seika (1878-1948).

#### **(b) Shingeki (1906-1913)**

*Shimpa* dilahirkan dalam suasana yang aktif kadang-kadang ganas, pertentangan ideology politik manakala Shingeki pula terbentuk dalam suasana yang lebih terkawal dan serius di sekitar dua buah universiti Tokyo yang terkenal. Dari mula pembentukannya, teater shingeki ini mengkaji, menterjemah dan mempersesembahkan sastera drama / teater barat disamping itu memperkembangkan teater Jepun sendiri dengan membuat perbandingan dengan teater barat demi untuk memodenkan kegiatan teater di Jepun (Benito Ortolani, 1990:243).

Penubuhan Bungei Kyokai (Persatuan Kesusasteraan) pada 1906 oleh Tsubouchi Shoyo (1858-1933) yang berpusat di Universiti Waseda dan Jiyu Gekijo (Teater Liberal) pada 1909 oleh Osanai Kaoru yang berpusat di Universiti Keio adalah titik permulaan teater shingeki. Kedua-dua kumpulan teater ini dan pemimpinnya mempunyai pendekatan

yang berbeza kearah satu matklamat yang sama iaitu untuk memodenkan kegiatan teater di Jepun menggunakan bahasa Jepun.

Tsubouchi Shoyo membawa pendekatan yang lebih menyeluruh dalam memodenkan kesusasteraan tetapi memfokuskan kepada novel dan drama. Selain daripada teater beliau juga seorang pengkritik sastera, seorang novelis, pelopor dalam pengajian novel-novel barat, penulis jurnal kesusasteraan dan pernah menterjemah seluruh drama Shakespear. Beliau menggunakan pengajian-pengajian ke atas karya-karya barat tersohor itu sebagai cara untuk mereformasikan kesusasteraan Jepun kontemporari. Antara karya beliau adalah seperti *Kiri no hitoha* (Daun Paulownia) pada 1884 mengisahkan seorang pahlawan samurai yang tersepit di antara tuannya Hideyoshi dan bakal shogun – Ieyasu. Karya *En no gya ja* (Seorang Pertapa) mengisahkan konflik seorang pertapa Buddha disebabkan oleh seorang wanita. Di awal pembabitannya, beliau selaku penerbit dan pengarah telah melakonkan lakonan sendiri (single act) daripada babak dalam Shakespeare di antara rehat persembahan kabuki. Beliau juga pernah mengarah drama daripada karya ternama barat seperti Hamlet dan A Doll's House oleh Ibsen pada 1911 (Benito Ortolani, 1990:246)

Seorang lagi pengiat teater shingeki ialah Osanai Kaoru yang merupakan seorang pengiat seni teater yang memisahkan persembahannya daripada pengaruh drama tradisi tetapi mengikut sepenuhnya cara persembahan teater barat. Osanai juga tidak mempunyai sebarang minta dalam muzik dan tarian tetapi lebih menumpukan kepada sesuatu kebenaran dan drama psikologikal. Osanai mengatakan bahawa cara ini sahaja untuk

menyampaikan mesej yang sebenar terhadap pentingnya teater barat. Penerbitan teater yang pertama *Jiyu Gekijo* adalah *John Gabriel Borkman* karya Ibsen. Pementasan teater ini dianggap satu persembahan tetaer shingeki yang sebenarnya yang dipentaskan pada 27hb. November 1909.

#### 2.2.2.3. Kegiatan Nyanyian dan Filem

##### Opera

Selepas era Pemulihan Meiji pihak kerajaan pada masa berkempen untuk menyerapkan muzik barat sebagai cara menggalakkan permodenan negara. Pada awalnya ia tidak mendapat sambutan daripada masyarakat. Tetapi penerimaan masyarakat berubah apabila pihak kerajaan mewajibkan pengajian muzik barat di semua peringkat persekolahan pada 1898. Maka lahirlah muzik opera klasik di mana penerbitan opera telah diperkenalkan kepada Jepun. Penubuhan *Tokyo Ongaku Gakkoo* (Sekolah Muzik Tokyo) telah menyumbangkan penyanyi korus dan peralatan muzik daripada Kementerian Hal Ehwal Imperial untuk digunakan oleh Franz Eckert untuk persembahan operanya. Pada tahun 1902 *Kageki Kenkyuukai* (Persatuan Pengajian Opera) telah dibentuk oleh pelajar-pelajar Sekolah Muzik Tokyo dan Universiti Imperial Tokyo.

Percubaan pertama persembahan opera Jepun telah dijalankan pada 1905 yang bertajuk *Roei no yume* (Mimpi dalam khemah) (Benito Ortolani, 1990:270). Pelopor shingeki iaitu Tsubouchi Shoyo dan Osanai Kaoru juga terlibat dalam pembentukan kumpulan opera ini pada peringkat awalnya. Pada tahun 1904, Tsubouchi telah

menerbitkan hasil kajiannya tentang opera yang bertajuk *Shingakugekiron* (Teori Drama Muzik Baru) yang beliau telah mengilhamkan opera Jepun yang asli tanpa peniruan daripada daripada model barat yang disokong oleh tradisi Jepun.

Pembukaan *Teikoku Gekijo* (Teater Imperial) pada 1911 yang mempunyai sebuah jabatan opera di bawah pengawasan seorang Itali yang bernama Giovanni Vittorio Rossi telah menyumbangkan harapan kepada perkembangan opera di Jepun.

### Filem

Industri filem telah berkembang pesat seiring dengan perkembangan kabuki. Pembikinan filem di era Meiji banyak dipengaruhi oleh adegan-adegan daripada kabuki. Filem-filem yang dikeluarkan pada era ini adalah filem bisu yang diberikan ulasan selari. Panggung wayang gambar yang pertama telah dibina dalam tahun 1903 dan menjelang akhir era Meiji, industri perfileman Jepun telah membuat kemajuan yang besar dengan penggunaan teknik-teknik kamera moden, sarikata, teknik sinaran tiruan, props' dan sebagainya (Rajendran M, 1984:73).

#### 2.2.2.4. Mengglobalisasikan Kegiatan Drama dan Teater

Dalam proses untuk memodenkan negara, kerajaan Meiji bukan sahaja mengimport nilai-nilai dan teknologi daripada barat tetapi disamping itu ia juga berusaha untuk memperkenalkan dan mempromosi negara Jepun. Salah satu cara untuk

menjalankan tujuan tersebut adalah dengan membuat lawatan dan pertunjukan kebudayaan mereka di luar negara. Dengan cara ini kerajaan Meiji berjaya dalam proses untuk mengglobalisasikan kebudayaan Jepun ke negara luar.

*"Economic prosperity also opened the way to several tours of No troupes in Europe, America, and a number of Asian countries. The teaching by foreign experts in several western universities of regular courses and workshops in the history, and theories and practice of Nogaku made the direct contact of numerous westerners with Nogaku possible"*

(Benito Ortolani, 1990:108)

Lawatan memperkenalkan budaya ini telah menarik ramai peminat dari kalangan orang barat terhadap drama *No* lantas menimbulkan minat daripada orang barat untuk mempelajarinya. Dengan cara ini *No* bukan lagi dianggap sebagai sesuatu fenomena yang misteri dan ganjil tetapi adalah sesuatu yang diiktiraf oleh dunia sebagai salah satu bentuk teater.

Satu lagi bentuk drama klasik Jepun yang dipertontonkan di luar negara adalah kabuki. Kabuki lebih dikenali di seluruh dunia sebagai satu khazanah budaya tradisi Jepun. Ini adalah kerana kerajaan Meiji telah berjaya mengglobalisasikan satu bentuk kebudayaan mereka kepada dunia luar.

*"...; and the several tours of splendid kabuki companies to Europe and America, where foreign audiences in their best opera houses acclaimed the traditional Japanese performing art as a world-class theatrical form".*

(Benito Ortolani, 1990:187)

Apabila orang memuji dan mengiktiraf sesuatu hasil kesenian dalam budaya sesebuah negara menunjukkan bahawa sesebuah negara itu telah mengalami ketamadunannya yang tinggi kerana dapat menghasilkan bentuk kesenian yang bermutu dan indah. Pementasan kesenian di luar negara juga telah dilakukan di era Meiji. Selain drama klasik *No* dan *kabuki*, persembahan teater juga dijalankan. Kegiatan kumpulan teater moden iaitu *Shimpa* yang dipimpin oleh Sudo Sadanori dan Kawakami Otojiro juga telah dipertunjukkan di luar negara.

*"It is doubtful whether the type of Japanese theatre shows by Kawakami abroad has service to the cause of international exchange".*

(Benito Ortolani, 1990:237)

Pada mulanya Kawakami dan kumpulan teater Shinpanya pergi ke Amerika untuk menimba ilmu tetapi telah dirayu untuk mementaskan sebuah pementasan teater yang diarahnya. Persembahan tersebut mendapat tepukan yang gemuruh. Salah satu sebabnya adalah peranan yang dimainkan oleh isteri Kawakami, *Kawakami Sadayakko* yang merupakan seorang *geisha* kelas tinggi yang terlatih telah mempersonakan penonton Amerika kerana mereka belum pernah melihat seorang *geisha* membuat persembahan secara langsung di atas pentas.

Oleh kerana teater *Shingeki* ini menekankan efek visual dan mengekspresikan pandangan yang unik tentang keadaan alam maka kumpulan teater *Shingeki* ini sering membuat pementasan di luar negara untuk memperkenalkan teater Jepun ke seluruh dunia dan secara tidak langsung telah mengglobalisasikan kebudayaan dan kesenian Jepun ke mata dunia.